

17/11/1998

Tidak ada jaminan Iraq selamat

KETIKA Rumah Putih mengumumkan bahawa Presiden Bill Clinton tidak akan hadir dalam sidang kemuncak ketua-ketua negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, bermula hari ini, lebih 50 pesawat penggempur dan jet pejuang Amerika Syarikat (AS) bergerak ke Teluk sebagai tambahan kepada pelbagai peralatan lain yang sudah bersiap sedia untuk menyerang Iraq. Setiap saat, dunia mengikuti perkembangan kemungkinan meletusnya satu lagi `perang baru' antara dua musuh tradisi yang begitu sukar diselesaikan di meja perundingan.

Dunia disogok supaya menerima keputusan Clinton yang tidak hadir pada sidang Apec kerana bersetuju bahawa masalah Iraq begitu penting bagi AS. Mereka lupa bahawa pertikaian dengan Iraq berpunca daripada ego AS. AS menetapkan segala syarat dan memilih sendiri pemeriksa senjata di Baghdad, sedangkan mereka sejak awal lagi mempunyai pandangan serong terhadap Iraq. Apakah rakyat Iraq tidak mempunyai kedaulatannya tersendiri. Jika tindakan AS boleh dianggap satu perbincaraan terbuka, adakah ia adil bagi Iraq.

Ugutan terakhir, seandainya Iraq tidak memenuhi janjinya untuk memberi kerjasama kepada pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Iraq sekali lagi akan menjadi padang jarak, padang tekukur.

Jika AS mahu, serangan terhadap Iraq boleh dielakkan tetapi ini bukan menjadi matlamat negara kuasa besar itu. AS tahu, sekali pun serangan dilakukan, negaranya tidak akan mendapat tentangan banyak pihak, terutama negara yang berkiblat kepadanya. Tidak ada negara di dunia yang berani mencemuh AS walaupun kesan serangannya akan menyebabkan ribuan nyawa terkorban dan harta musnah.

Menerusi pelbagai penyelewengan maklumat terhadap Iraq menerusi agensi antarabangsa dan media asing, Iraq dan Saddam Hussein, sudah berjaya digambarkan sebagai `musuh' dunia. Sebagaimana umum mengetahui bahawa AS sudah pun melumpuhkan Iraq dalam Perang Teluk 1991. Dengan kekuatan tentera dan sokongan sekutunya, Iraq sekali lagi berada di ambang kemusnahan. Ia akan berlaku sama ada dengan alasan baru atau tanpa sebarang alasan. Penyelewengan maklumat adalah senjata AS paling berkesan. Jika Sudan yang begitu miskin turut dijadikan sasaran serangan AS berikutan kejadian pengeboman kedutaan AS di Kenya dan Tanzania, apatah lagi terhadap Iraq yang berani mencabarnya. Iraq hanyalah ibarat {'ulam' AS. Meskipun serangan AS di sebuah premis di Sudan yang didakwa dijadikan kilang kimia itu terbukti satu kesilapan, tetapi dengan penyelewengan fakta yang disalurkannya, ia seolah-olah menunjukkan Sudan sebenarnya yang bersalah. Tidak ada orang yang bersetuju jika kilang ubat disamakan dengan kilang bahan kimia.

Dunia tidak seharusnya menerima secara positif perkembangan terbaru berikutan penarikan balik ancaman AS melancarkan serangan udara terhadap Iraq. Walaupun AS menarik balik ancamannya selepas Saddam menghantar mesej untuk bekerjasama dengan penyiasat PBB, tidak ada jaminan Iraq selamat. Sebagaimana dijelaskan oleh Clinton semalam, penyelesaian kekal hanya akan berlaku jika Saddam disingkirkan, yang bermaksud selagi Saddam masih berkuasa, api permusuhan akan terus membara.

Sekutu AS juga sudahpun membayangkan bahawa jika ada sedikit kesilapan yang dilakukan Iraq terhadap janjinya, serangan akan dilancarkan tanpa amaran. Tidak hairanlah jika Pentagon sejak awal-awal lagi sudah pun mengerahkan bala tenteranya di Teluk. Ini adalah satu bentuk ugutan yang amat serius. Siapakah pula yang akan menjadi hakim kepada tindakan AS.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah pun menjangkakan bahawa AS tidak akan berpuas hati dengan apa yang dilakukan Iraq. Baginya, tindakan AS itu sebenarnya adalah sama dengan sikap Iraq yang juga tidak gembira dengan tindakan AS. Yang membezakan kedua-dua negara itu ialah AS mempunyai kuasa untuk melakukan apa saja di dunia ini. Apa saja yang dilakukannya, dianggap betul belaka.

Bagi Malaysia, apa yang sepatutnya dipentingkan ialah keselamatan nyawa rakyat Iraq. Jika serangan AS dilakukan, mangsa korban adalah rakyat negara itu. Saddam mungkin mampu berselindung, tetapi rakyat Iraq terpaksa menghadapi ledakan peluru berpandu AS. Mereka tidak mempunyai perisai untuk melindungi diri. Apakah AS tidak boleh memikirkan kesengsaraan apabila anak kehilangan ibu bapa, kecacatan fizikal rakyat Iraq dan pelbagai penderitaan lain. Paling penting, mampukah generasi rakyat Iraq mengikis dendam mereka terhadap AS, yang akhirnya menyebabkan permusuhan berkekalan.

(END)